



Edisi 1 (Januari -Jun 2025)



BULETIN AKRAB PERDA

01

Motivasi Diri

02

Majlisi Bacaan Yasin

03

Sambutan Hari Pekerja

04

Lawatan Ke Labuh Banting



BULETTIN AKRAB PERDA

I ♥ PERDA

MOTIVASI DIRI

5

MULAKAN TABIAT BAHARU:

LANGKAH MUDAH UNTUK PERUBAHAN POSITIF

1

Mulakan Kecil

Pilih tindakan yang sangat mudah dilakukan, tidak kira betapa kecilnya.



2

Cipta Petunjuk yang Jelas


Kaitkan tabiat baharu anda dengan rutin sedia ada [contohnya, selepas minum kopi, bersenam segera].



3

Keluarkan Halangan

Hilangkan apa-apa sahaja yang menyukarkan anda untuk melakukan tabiat baharu itu.



4

Raikan Kemenangan Kecil

Akui dan berikan ganjaran kepada diri sendiri setiap kali anda berjaya menyelesaikan tabiat baharu itu.

5

Bersabar dan Konsisten

Ingatlah bahawa perubahan memerlukan masa dan usaha yang berterusan.





Objektif Program

1. Memupuk semangat kerohanian dan ukhwah dalam kalangan peserta melalui bacaan Yasin secara berjemaah.
2. Menghidupkan budaya keagamaan dalam kalangan warga PERDA
3. Mendoakan kesejahteraan dan perlindungan daripada segala musibah.
4. Meningkatkan keinsafan diri dan nilai-nilai spiritual dalam diri peserta.
5. Menyemai budaya ilmu, sabar, dan tawakal dalam kehidupan seharian.

- Sasaran Peserta: Seluruh warga PERDA
- Kehadiran: Seramai 30 orang telah hadir
- Pengendali Bacaan: Ir. Ts Mohd Harul Faez bin Rahiam - Bendahari AKRAB PERDA

Program berjalan dengan lancar dan mendapat sambutan yang baik dalam kalangan peserta. Suasana tenang dan penuh penghayatan. Pihak penganjur bercadang untuk mengekalkan program ini secara berterusan setiap minggu.



SAMBUTAN HARI PEKERJA

Hari Pekerja diraikan sebagai penghargaan kepada sumbangan dan perjuangan pekerja dalam membangunkan negara dan memastikan hak-hak pekerja terus dipelihara. **AKRAB PERDA** mengambil peranan menyampaikan ucapan dan hadiah kepada Anggota Kerja PERDA pada **Sambutan Hari Pekerja** Tahun ini.



AKRAB PERDA

**APRESIASI
HARI PEKERJA**



Tema Hari Pekerja 2025
"PEKERJA KESUMA BANGSA".



LEMBAGA KEMAJUAN WILAYAH PULAU PINANG
PENANG REGIONAL DEVELOPMENT AUTHORITY



**APRESIASI
HARI PEKERJA!**



I ❤️ PERDA



Lawatan Ke Labuh Banting

AKRAB Perkukuh Semangat Pasukan Melalui Lawatan Kerja

Pada 20 Mei 2025 (Selasa), Unit Pengurusan Psikologi dengan kerjasama Kelab AKRAB Pusat Koreksional Kamunting, Perak telah mengadakan Lawatan Kerja ke Agrotourism Labuh Banting dan PERDA Food Park yang disertai seramai 30 orang peserta.

Program ini bertujuan memberi pendedahan kepada warga kerja mengenai aspek pengurusan emosi, kepentingan kerjasama pasukan, serta amalan keusahawanan dan inovasi komuniti. Peserta turut terlibat dalam aktiviti explorace, yang menguji keupayaan berfikir pantas, daya tahan mental dan semangat bekerjasama secara berpasukan. Pada sebelah petang, rombongan meneruskan lawatan ke PERDA Food Park untuk sesi taklimat dan perkongsian ilmu berkaitan pembangunan hab makanan serta inovasi komuniti setempat.

Secara keseluruhannya, lawatan ini bukan sahaja memberi pengalaman pembelajaran yang berharga, malah berjaya memperkukuh ikatan silaturrahim, meningkatkan motivasi serta menyemai nilai kebersamaan dalam kalangan peserta. Program ini juga seiring dengan usaha AKRAB dalam memperkasa kesejahteraan psikososial dan budaya kerja positif di tempat kerja.

 **Diharapkan program sebegini dapat diteruskan pada masa akan datang bagi melahirkan warga kerja yang lebih berdaya tahan, bersemangat serta sentiasa mengamalkan nilai positif dalam kehidupan seharian.**



INFO AKRAB

JANUARI – JUN 2025

01

Mutiara kata "Buya Hamka"



"Agama tidak melarang sesuatu perbuatan kalau perbuatan itu tidak merosakkan jiwa. Agama tidak menyuruh, kalau suruhan tidak membawa selamat dan bahagia jiwa"

"Hujung akal itu fikir, pangkal agama itu zikir"

you can do

02

"JANGAN TAKUT
OLEH KEMARAHAHAN
SEHINGGA KITA
TAKUT BERKATA
DAN BERSIKAP
JUJUR."



Ramadan Al-Mubarak

"Jangan biarkan Ramadan berlalu tanpa meminta keampunan dari Allah. Hati yang bertaubat adalah hati yang paling dekat dengan-Nya."

03



Dalam kesenangan
kita jangan lupa masih
ada orang yang berada
dalam kesusahan.
Bersyukurlah.

KOLEKSI MUTIARA KATA

04



05



Dengan Kesyukuran...
nikmat yang dianggap kecil
terasa besar dan
dugaan yang dianggap besar
terasa kecil

06



Sepahit apapun
proses kehidupan,
Namun jika dengan
keikhlasan,
Akhirnya pasti akan
terasa manis.



AKRAB PERDA



04-3141100



www.perda.gov.my

ANDA MEMPUNYAI MASALAH

JOM JUMPA AKRAB

Peranan AKRAB Organisasi

- Membantu mewujudkan perkhidmatan prihatin ke arah meningkatkan elemen kebajikan dalam perkhidmatan;
- Membantu mempelopori program-program ke arah pembentukan budaya ke arah pembentukan budaya kerja yang beretika dan berdisiplin;
- Membantu menggalakkan dan meningkatkan semangat kekitaan;
- Mewujudkan budaya sikap sopan santun dan hormat menghormati; dan
- Membantu menyokong dan mewujudkan suasana kerja yang ceria dan harmoni



Objektif AKRAB



- Menyediakan khidmat bimbingan kepada warga organisasi PERDA yang memerlukan;
- Meningkatkan potensi warga organisasi melalui tindakan sebagai perantara dengan pihak pengurusan PERDA;
- Mewujudkan hubungan baik dengan pihak pengurusan di organisasi bagi memudahkan pelaksanaan aktiviti AKRAB; dan
- Membantu meningkatkan keharmonian warga organisasi PERDA dalam menjalankan tugas harian.

Hubungi Kami

AKRAB PERDA
LEMBAGA KEMAJUAN WILAYAH PULAU PINANG (PERDA)
NO.1 LORONG KAMPUNG GAJAH 2,
JALAN KAMPUNG GAJAH
12200 BUTTERWORTH
TEL:04-3141100 FAKS: 04-3321676

www.perda.gov.my